


قريدانن كماجون نكري سلاخور  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
(Selangor State Development Corporation)

TINGKAT 9, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK, NO. 7, PERSIARAN SUKAN  
SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR, MALAYSIA.  
TEL: 03-55201269 FAX: 03-55103167 Email: othman@pkns.gov.my

113  
SELANGORSHINES



MS ISO 9001:2008 REG. NO. AR 1704

PEJ. PENGURUS BESAR  
(General Manager's Office)

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Surat Kami : PKNS/SUK/U.2.2/97 /td. 16

Tarikh : 15 Mei 2013

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
Dato' Menteri Besar Selangor  
Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor  
Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam

*Cher Faizul*  
TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM  
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

YAB Tan Sri Dato' Seri.

PENGESAHAN PELANTIKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL DI DALAM  
AHLI-AHLI PERBADANAN

Dengan segala hormat dan penuh takzimnya perkara di atas adolah dirujuk.

2. Sepertimana yang YAB Tan Sri Dato' Seri sedia maklumi berdasarkan kepada Seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 (No. 4 Tahun 1964), Perbadanan hendaklah terdiri daripada:

- (a) seorang Pengerusi, iaitu seseorang yang pada masa tersebut memegang jawatan Menteri Besar, Selangor;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri;
- (c) dua orang Ahli ex-officio, iaitu orang-orang yang pada masa tersebut memegang jawatan Pegawai Kewangan Negeri dan Jurutera Negeri Selangor

lms. 1/3



- (d) tidak lebih daripada lima orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari kalangan orang-orang yang pada pandangan beliau berkelayakan oleh sebab mempunyai pengalaman yang luas dan telah membuktikan keupayaannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan bank, pembuatan, perumahan, perdagangan, kewangan, profesional atau pentadbiran atau dengan cara lain sesuai untuk perantikan itu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan khas mereka;
- (e) tiga orang wakil daripada Kerajaan Pusat yang dilantik oleh Menteri.

3. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pelantikan 4 orang Ahli Perbadanan di bawah Seksyen 4(1) (d) seperti berikut:


BIL	NAMA	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT TEMPOH
1.	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	11 Februari 2011	10 Februari 2015
2.	YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad	11 Februari 2011	10 Februari 2015
3.	YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali	11 Februari 2011	10 Februari 2015
4.	Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud	27 Jun 2012	26 Jun 2014

4. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan urusan pemanggilan Mesyuarat Ahli-Ahli Perbadanan yang akan datang yang mana telah ditetapkan dahulu pada 28 Mei 2013, maka pengesahan dan kelulusan daripada YAB Tan Sri Dato' Seri adalah dipohon sama ada terus menyambung khidmat ahli-ahli tersebut sebagai Ahli-Ahli Perbadanan ataupun menguatkuasakan pelantikan ahli-ahli baru bagi menganggotai Ahli-Ahli Perbadanan bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran ahli yang akan dilantik kelak. Sekiranya terdapat ahli yang akan digantikan, PKNS memohon saranan dan pandangan daripada YAB Tan Sri Dato' Seri berhubung dengan calon yang bersesuaian bagi keanggotaan tersebut.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang benar,



(OTHMAN BIN HAJI OMAR)

Pengurus Besar

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

**KEPUTUSAN:**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>STATUS</b>	<b>NAMA PENGGANTI</b>
1.	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	Kekal/Ganti	
2.	YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad	Kekal/Ganti	
3.	YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali	Kekal/Ganti	
4.	Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud	Kekal/Ganti	

**(TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM)**

**Dato' Menteri Besar**

**Tarikh:**